

# RAMPAS LAMPU RM795,000

■ Syarikat pengeluar guna logo buatan Malaysia tanpa kebenaran diserbu

Nurul Hidayah Bahaudin  
nurul.hidayaham@hmetro.com.my

Kajang

Tidak tahu keperluan untuk memohon kebenaran penggunaan logo Buatan Malaysia dari pada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Itu alasan pengurusan sebuah syarikat pengeluar lampu di Balakong di sini, yang juga pembekal produk berkenaan kepada pihak berkuastra tempatan (PBT) di negara ini.



SHAMSUL (dua dari kanan) melihat stok lampu LED yang dirampas.

Akibat kesalahan itu, sebanyak 503 lampu Light-emitting Diode (LED) bernilai RM795,000 disita kerana tiada sijil produk Malaysia dari Bahagian Pem-

bangunan Perniagaan KPDNHEP, kelmarin.

Serbuan dilakukan di kilang berkenaan kira-kira jam 4 petang oleh sepasukan lapan pegawai penguat kuasa awam.

“Mana-mana pihak yang menggunakan logo berkenaan perlu membuat permohonan untuk mendapatkan kebenaran daripada KPDNHEP”

Shamsul Nizam Khalil

KPDNHEP Cawangan Kajang selepas menerima aduan awam.

Ketua Seksyen Siasatan Bahagian Penguat Kuasa KPDNHEP Putrajaya Shamsul Nizam Khalil berkata, hasil pemeriksaan mendapatkilang berkenaan menggunakan logo Buatan Malaysia

pada kotak lampu terbabit.

Bagaimanapun, katanya, syarikat itu tidak mempunyai sijil produk Malaysia dari pada Bahagian Pembangunan Perniagaan KPDNHEP.

Berdasarkan pemeriksaan dan maklumat daripada pihak pengurusan syarikat itu, lebih 70 peratus barang dihasilkan adalah produk dalam negara, selebihnya diimport ke luar negara.

“Mana-mana pihak yang menggunakan logo berkenaan perlu membuat permohonan untuk mendapatkan kebenaran daripada KPDNHEP kerana di bawah kawalan Kementerian itu,” katanya ketika ditemui di kilang berkenaan, di sini, malam kelmarin.

Difahamkan, syarikat terbabit yang beroperasi sejak 1993 tidak pernah memohon kepada KPDNHEP.

Menurutnya, ia adalah rampasan pertama dilakukan membabitkan kesalahan itu di daerah ini pada tahun ini.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 16 Akta Perihal Dagangan 2011 kerana membuat representasi palsu mengenai pembekalan atau kelulusan barang.

“Jika didapati bersalah boleh didenda hingga RM100,000 bagi persendirian atau penjara tiga tahun, manakala syarikat boleh dikenakan penalti sehingga RM200,000 untuk kesalahan pertama,” katanya.

HARI	:	
TARIKH	:	14/9/2019
M/SURAT	:	32C
		SABTU